

11hb Oktober 2018

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi Boustead Plantations Berhad - Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat dan ladang sawit - Kota Tinggi, Johor, Malaysia

Boustead Plantations Berhad telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat dan ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Unit Pengurusan Kilang Kelapa Pasir Panjang	
Nama Kilang Sawit	Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat
Kapasiti Kilang Sawit (mt/jam)	40mt/jam
Alamat	81909 Kota Tinggi, Johor
Rujukan GPS (Kilang Sawit)	1° 34' 04.5" N; 104° 02' 37.5" E

Unit Pengurusan Ladang			
Nama Unit Pengurusan Ladang			
Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Ladang (ha)
Telok Sengat	81909 Kota Tinggi, Johor, Malaysia	1° 34' 03.60" N; 104° 02' 13.80" E	3,680.00
Chamek	86009 Kluang, Johor, Malaysia	2° 08' 58.8" N; 103° 14' 59.95" E	816.90
Kulai Young	81000 Kulai, Johor, Malaysia	1° 37' 31.50" N; 103° 31' 48.50" E	670.50
Jumlah Luas Ladang			5,167.40

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat dan ladangnya pada 19 - 22/11/2018. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*.

Salinan standard boleh didapati secara atas talian di <http://www.msonline.gov.my/catalog.php>. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Telok Sengat dan ladangnya terdiri daripada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Alam Sekitar, Aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerja, HCV, GHG, Aspek Undang-undang & Sosial) dan **Pn. Hu Ning Shing** sebagai Juruaudit (Aspek undang-undang, Biodiversiti, Sosial & Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Atapun, pendapat dan pandangan anda boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Operasi

En. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU

Auditee:

En. Anuar Bin Semail
81909 Kota Tinggi
Johor, Malaysia
Fax : +603-2144 7917
Email : anuar.bea@boustead.com.my

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.





...making excellence a habit.™

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim

